

Apa Perlunya Pemuda UMNO Jumpa Diong Jiao Zong ?

Oleh : Pemberita ERA BARU

DENGAN tiba-tiba kumpulan Diong Jiao Zong, mahu bertemu dan berbincang dengan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO bagi menyelesaikan beberapa isu yang tidak mereka dijelaskan.

Beberapa tahun dahulu kumpulan yang sama ini atau yang boleh dianggap sebagai '*pressure group*' yang mempertahankan dan memperjuangkan hak-hak bukan bumiputra (Cina) telah membuat beberapa tuntutan sehingga pada suatu ketika dilihat seperti mengugut UMNO untuk mencapai matlamat mereka sehingga telah mengguris perasaan orang Melayu keseluruhannya dengan mendesak supaya tuntutan mereka dalam 17 perkara diterima.

Untuk menguatkan lagi permintaan mereka untuk berjumpa dengan Pemuda UMNO, MCA pula bersetuju untuk menjadi 'orang tengah'. Apakah tujuan sebenar MCA mahu campur tangan dalam hal ini? Mungkinkah mereka juga ada agenda tertentu untuk diutarakan kepada Pemuda UMNO?

Pada pendapat orang ramai yang menalefon akhbar **ERA BARU**, mereka membantah keras kepada pertemuan tersebut diadakan apatah lagi MCA mahu menjadi orang tengahnya.

Harus diingat bahawa Ketua Pemuda UMNO, Dato' Hishamuddin pernah bersemuka dengan kumpulan ini dahulu dan beliau tentunya tidak lupa bagaimana kumpulan Diong Jiao Zong ini menekan dan mengugut Hishamuddin supaya permintaan mereka dipersetujui.

Justeru, jika Hishamuddin mahu juga bertemu dengan kumpulan tersebut eloklah beliau terlebih dahulu



Dato' Hishamuddin... pernah bersemuka dengan kumpulan ini dahulu

berbincang dan mendapatkan nasihat dari veteran-veteran UMNO yang mengetahui siapa kumpulan Diong Zioa Zong ini. Kumpulan ini sudah tidak syak lagi akan membuat beberapa tuntutan yang bukan-bukan sebelum pilihanraya umum akan datang.

Dalam hal ini Hishamuddin diingatkan supaya tidak membelakangkan kepentingan orang Melayu dan negara agar tidak tergadai dengan pujuk rayu dan janji-janji manis kumpulan tersebut.

Orang Melayu telah begitu banyak bertolak ansur sehingga melemahkan kedudukan orang Melayu di tanah air sendiri.

Era Baru - 20/4/2007

Dua keratan akhbar harian bertarikh 28 Februari 2007 yang memaparkan berita kumpulan Diong Jiao Zong, mahu bertemu dan berbincang dengan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO dan MCA yang bersedia menjadi 'orang tengah dalam pertemuan yang akan diadakan itu.

Group wants to meet Hisham

DONG JIAO ZONG (United Chinese School Committees Association of Malaysia) has sent a letter to seek an appointment with Education Minister Datuk Seri Hishamuddin Hussein, *Nanyang Siang*

se education and resolve problems. "The Dong Jiao Zong also hopes to discuss how to implement the National Education Blueprint." *> Sin Chew Daily* reported that more lion dance competitions

MCA ready to act as go-between

Press Digest

by Kong See Hoh
newsdesk@thesundaily.com

the problems we face in our fight to protect and develop Chinese education."

He said there is no reason for MCA to scuttle any request to develop Chinese education.

In fact, he said, MCA leaders had worked with Umno stalwarts on the subject and "made them understand that developing Chinese education is

Justeru, mampukah kita berlembut lagi?

Diharapkan Pemuda UMNO akan benar-benar berhati-hati dan memikirkannya sebelum memberi persediaan untuk bertemu dengan kumpulan itu dan janganlah berasa takut untuk menolak permintaan mereka jika ia tidak akan memberi kestabilan dan kekuatan kepada orang Melayu. Sementara itu, kemana kah hilangnya '*pressure group*' Pemuda UMNO?